

Bukan Melayu jadi PM 'bukan arahan'

UM 19 JUL 2000

Oleh OTHMAN MOHAMAD

KUALA LUMPUR 18 Julai Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan kenyataannya bahawa rakyat berketurunan bukan Melayu boleh menjadi Perdana Menteri 'bukanlah arahan' dan tidak akan menjadi realiti melainkan rakyat membuat pilihan begitu.

"Walaupun pendapat saya mungkin diberi pertimbangan tetapi bukannya menjadi satu arahan. Apa yang saya perkatakan tidak akan menjadi kenyataan melainkan inilah pilihan rakyat," kata Perdana Menteri di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Mohamad Sabu (Pas-Kuala Kedah) yang mahu tahu sama ada Perdana Menteri menyedari wujud kegelisahan di kalangan orang Melayu apabila beliau melahirkan pandangan sedemikian.

Semasa menjawab pertanyaan tambahan Da-

tuk Dr. Yusof Yacob (BN-Sipitang), Dr. Mahathir menjelaskan di Malaysia yang rakyatnya pelbagai kaum dan anutan agama, hanya orang Melayu yang berpegang kepada Islam dan kesederhanaan dalam agama, boleh menjadi Perdana Menteri.

"Hanya orang yang diterima oleh majoriti penduduk berbilang kaum yang akan dapat menjadi Perdana Menteri. Justeru, jika ada orang Cina yang diterima oleh orang Melayu, dia boleh menjadi Perdana Menteri," jelasnya.

Beliau bagaimanapun berpendapat, sikap pemimpin parti lawan yang selalu menyebarkan perasaan perkauman seperti hendak menolak hak-hak orang bukan Islam dan menakutkan mereka dengan pelbagai cadangan, tidak akan diterima oleh orang Cina dan India sekaligus tidak akan berpeluang menjadi Perdana Menteri.

"Tetapi orang Melayu

yang berpegang kepada ajaran Islam dan kesederhanaan agama, mereka boleh diterima oleh orang Cina. Sebab itulah hingga kini orang Melayu yang semacam itu sahaja berpeluang menjadi Perdana Menteri.

"Jenis yang satu lagi mungkinlah di dua tiga negeri dapat menjadi Menteri Besar, tetapi saya fikir setakat itu sajalah," jelasnya.

Semasa merasmikan Perhimpunan Agung MCA awal Jun lalu, Dr. Mahathir antara lain menyatakan orang bukan Melayu boleh menjadi Perdana Menteri kerana Perlembagaan Malaysia tidak menyebut mengenai syarat keturunan seseorang Perdana Menteri.

Semasa menjawab pertanyaan asal Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka), Dr. Mahathir berkata, Malaysia mengamalkan sistem demokrasi dan mana-mana parti politik yang berjaya mendapat majoriti undi dalam pilihan raya umum akan da-

pat membentuk kerajaan dan seterusnya wakilnya menjadi Perdana Menteri.

Perlembagaan Malaysia tidak menyebut mengenai keturunan bagi melayakkan seseorang itu menjadi Perdana Menteri, katanya sambil menambah dengan itu tidaklah mustahil orang bukan Melayu dilantik sebagai Perdana Menteri, jika diterima oleh rakyat.

Perdana Menteri menjelaskan, kenyataan berhubung perkara itu sama sekali tidak bertujuan untuk menakutkan orang Melayu tetapi ia adalah hakikat politik yang nyata, yang mungkin terjadi selaras dengan prinsip-prinsip demokrasi yang diamalkan di negara ini.

"Harus diingat bahawa pemimpin Pas juga pernah menyatakan kesanggupannya untuk menerima (Pengerusi DAP) Lim Kit Siang sebagai Perdana Menteri. Apakah ia juga ingin menakutkan orang Melayu, Wallahu-alam," katanya.